

Modul Bahasa Melayu Standard Tingkatan 5 – Burung Terbang Dipipiskan Lada

Set / ms	BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Set 1 Halaman 4	<p>Kata sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam.</p> <p>Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrunduwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunya</p>	<p>Menurut tukang cerita/pemilik cerita, tersebutlahkisah/cerita berkenaan Raja Benua Siam.</p> <p>Dari/Sejak zaman dahulu kala/masa dahulu lagi negeri Siam dikenali orang sebagai Syahrunduwi, dan raja-raja/kerajaan/negeri di bawah angin semuanya berada di bawah takluknya, dan/serta nama rajanya Bubunya.</p>
Set 2 Halaman 4	<p>Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tidak takhluk kepadanya, maka Paduka Bubunya pun menyuruh ke Melaka hendak meminta surat sembah.</p> <p>Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam.</p> <p>Maka Raja Benua Siam terlalu marah,lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.</p>	<p>Telah kedengaran hingga benua Siam bahawa Melaka sebuah negeri besar/berpengaruh/berkuasa yang tidak dapat ditakluki olehnya/Siam, lalu/kemudian Paduka Bubunya pun menyuruh utusannya ke Melaka untuk meminta surat sembah.</p> <p>Tetapi/Namun/Walau bagaimanapun Sultan Muzaffar Syah tidak mahu/enggan menyembah kepada benua Siam.</p> <p>Lalu/Kemudian Raja Benua Siam terlalu/sangat/sungguh/ amat marah, lalu menyuruh berlengkap/bersiap sedia/bersiap siaga untuk menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu/sangat/amat/sungguh banyak/ramai yang tidak terkira banyaknya/ramainya/jumlahnya.</p>
Set 3 Halaman 5	<p>Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang</p> <p>Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu,maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka.</p>	<p>Kemudian/Lalu dipersembahkan orang kepada ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu/sangat/sungguh/amat banyak/ramai tidak terkira banyaknya/ramainya/ jumlahnya, berjalan mengikut jalan darat terus ke hulu Pahang.</p> <p>Lalu/Kemudian Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu/tersebut, lalu/kemudian baginda pun menyuruh orangnya menghimpunkan semua/seluruh rakyat teluk rantau berhimpun di Melaka.</p>

<p>Set 4 Halaman 5</p>	<p>Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali.</p> <p>Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan ‘Ya Tuanku, segala teruk rantau yang laun semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali</p>	<p>Seterusnya/Sementara itu Tun Perak membawa orang/penduduk Kelang ke Melaka bersama-sama/dengan anak dan isterinya/isteri mereka sekali.</p> <p>Kemudian/Lalu orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, "Ya tuanku, semua/kesemua orang teluk rantau yang lain menghadap dengan laki-laki sahaja; namun patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.</p>
<p>Set 5 Halaman 6</p>	<p>Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta.</p> <p>Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, lalu di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.</p>	<p>Sebenarnya/Sesungguhnya Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab/ kerana/oleh sebab dia cerdik, lagi/dan petah berkata-kata, maka dijadikan oleh baginda bentara, digelar oleh baginda Seri Amerta.</p> <p>Lalu/Kemudian diperbuat/dibuat oleh baginda satu/sebuah/suatu bangku tebal, diletakkannya di bawah lutut baginda, di sanalah dia memikul pedang, dialah yang menyampaikan titah raja tentang sesuatu</p>
<p>Set 6 Halaman 6</p>	<p>Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak.</p> <p>Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan</p>	<p>Selanjutnya/Seterusnya/Selepas itu, pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, dia duduk di tanah bersama-sama/ dengan orang yang banyak/ramai.</p> <p>Lalu/Kemudian kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, semua orang Kelang ini menghadap baginda untuk mengadukan halnya/hal berkenaan kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan.</p>
<p>Set 7 Halaman 7</p>	<p>Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"</p> <p>Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak</p>	<p>Sungguhpun/Sesungguhnya/Sebenarnya orang teluk rantau yang lain semuanya yang menghadap laki-laki/ lelaki juga/sahaja; tetapi/namun/walau bagaimanapun orang Kelang ini dibawa menghadap oleh Tun Perak berserta perempuan o sekali. Mengapakah fiil/tingkah laku/sikap/perlakuan/kelakuan tuan sedemikian?"</p> <p>Kemudian/Lalu tidak disahut/dijawab oleh Tun Perak akan kata-kata itu/tersebut. o Seri Amerta berkata sekali lagi, namun tidak juga disahut/dijawab oleh Tun Perak.</p>

<p>Set 8 Halaman 7</p>	<p>Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya,</p> <p>"Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu?"</p>	<p>Genap/Cukup tiga kali Seri Amerta berkata-kata, kemudian/ lalu barulah disahut/dijawab oleh Tun Perak, katanya,</p> <p>"Wahai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba yang sebilah itu juga, hendaklah tuan hamba peliharakan sebaik-baiknya, jangan dibiarkan berkarat, Jangan dibiarkan tumpul/habls dmakan matanya. Namun/Tetapi/Walau bagaimanapun tugas/tanggungjawab kami orang bekerja, bagaimanakah tuan hamba tahu?"</p>
<p>Set 9 Halaman 8</p>	<p>Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak Isteri dan segala perkakas.</p> <p>Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang?</p>	<p>Sebenarnya/Sesungguhnya sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan/bersama-sama golongan/kaum perempuan iaitu anak dan isteri serta semua perkakas/ peralatan/kelengkapan.</p> <p>Lalu/Kemudian benarkah pada pemikiran/fikiran tuan hamba kami sekalian datang dengan/bersama-sama laki-laki/lelaki juga/sahaja, dengan begini jauh dari Selat Kelang?</p>
<p>Set 10 Halaman 8</p>	<p>Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian?</p> <p>Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali.</p>	<p>Jika/Sekiranya/Jikalau/Kalau/Andai kata berlaku sesuatu hal/perkara di negeri ini, siapakah peduli/ endah/hirau kepada kami sekalian?</p> <p>Sebab/Kerana/Oleh sebab itulah kemudian/lalu semua orang Kelang ini hamba suruh bawa bersama anak isteri mereka sekali.</p>
<p>Set 11 Halaman 9</p>	<p>Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya;</p> <p>kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh."</p>	<p>Nescaya/Sudah tentu/Sudah pasti berperang dengan musuh dengan bersungguh-sungguh hatinya/hati mereka;</p> <p>sekurang-kurangnya mereka berlawan untuk/demi Duli Yang Dipertuan malah juga berlawan demi anak isterinya/ isteri mereka dengan bersungguh-sungguh."</p>

Set 12 Halaman 9	<p>Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan.</p> <p>Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."</p>	<p>Lalu/Kemudian kata-kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan oleh Seri Amerta kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan.</p> <p>Kemudian/Lalu baginda pun tersenyum, lalu bertitah, "Benar/Sungguh/Betul seperti yang diperkatakan oleh Tun Perak itu."</p>
Set 13 Halaman 10	<p>Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun perak.</p> <p>Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri,"</p>	<p>Maka diambilnya baginda sirih daripada puan/tepak sirih baginda, disuruhnya berikan Sirih kepada Tun Perak.</p> <p>Kemudian/Lalu titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tidak sepatutnya diam/tinggal/menatap di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam/ tinggal/menatap di negeri."</p>
Set 14 Halaman 10	<p>Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati.</p> <p>Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar.</p>	<p>Selepas itu, lalu/kemudian orang Siam pun datanglah/ tibalah ke Melaka, lalu berperang dengan orang Melaka. Setelah/Selepas beberapa lama berperang, maka banyaklah/ramailah rakyat Siam yang mati/meninggal dunia/terkorban.</p> <p>Melaka tidak kalah/tewas. Lalu/Kemudian rakyat Siam pun kembali/pulang, semasa/sewaktu/ketlka/tatkala mereka pulang/kembali dan/maka/lalu semua rotan yang digunakan untuk mengikat barang-barang semuanya telah dicampakkan di hulu Muar.</p>
Set 15 Halaman 11	<p>Maka rotan itu pun tumbuh; itulah dinamai orang Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, datang sekarang di hulu Muar jua, dan tumang Siam tempat bertanak itu pun tumbuh juga, datang sekarang.</p>	<p>Lalu/Kemudian rotan itu pun tumbuh; itulah dinamai orang Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, masih ada hingga sekarang di hulu Muar juga, dan tumang Siam tempat bertanak/menanak itu tumbuh juga, ada hingga sekarang.</p>
Set 16 Halaman 11	<p>Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing-masing ke tempatnya.</p> <p>Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang; diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.</p>	<p>Setelah/Selepas rakyat/orang/tentera Siam pulang/ kembali, lalu/kemudian semua orang teluk rantau pun kembalilah/pulanglah ke tempat masing-masing.</p> <p>Namun begitu/Walau bagaimanapun/Tetapi/Namun Tun Perak tidak diberikan/dibenarkan/diizinkan oleh baginda pulang/kembali lagi ke Kelang; diam/tinggal/menatap di Melaka, dijadikan baginda sebagai bentara.</p>

Set 17 Halaman 12	<p>Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit.</p> <p>Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak.</p>	<p>Lalu/Kemudian ada/terdapat seorang orang Kelan mengatakan bahawa dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit.</p> <p>Lalu/Kemudian dia/mereka berdatang sembah ke bawah duli baginda. Lalu/Kemudian baginda memberikan titah/bertitah kepada bentara Seri Amerta, disuruh memberitahu Tun Perak.</p>
Set 18 Halaman 12	<p>Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawa Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?"</p>	<p>Kemudian/Lalu Tun Perak pun datang menghadap. Lalu/Kemudian Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan bahawa dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah/Kenapakah demikian/begitu pekerti/tingkah laku/perlakuan tuan hamba?"</p>
Set 19 Halaman 13	<p>Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya,</p> <p>"Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedan sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan.</p>	<p>Lalu/Kemudian diam/senyap Tun Perak tidak disahutinya/dijawabnya kata Seri Amerta itu. Setelah/Selepas tiga kali Seri Amerta berkata-kata, kemudian/lalu barulah disahutinya/dijawabnya oleh Tun Perak, katanya,</p> <p>"Tuan Seri Amerta, tuan hamba telah dijadikan/dilantik oleh Yang Dipertuan sebagai Bentara, dianugerahi sebilah pedang itu juga tuan hamba pelihara/simpan/jaga sebaik-baiknya, jaga/simpan sungguh-sungguh jangan dibiarkan berkarat/tumpul.</p>
Set 20 Halaman 13	<p>Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu?</p> <p>Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya.</p>	<p>Sesungguhnya/Sebenarnya, pekerjaan/tugas/tanggungjawab kami orang yang memegang/mentadbir negeri bagaimana tuan hamba tahu?</p> <p>Jikalau/Kalau/Jika/Andai kata sebesar tempurung sekalipun, negeri juga namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan/lakukan/laksanakan, kerana Yang Dipertuan hanya mahu tahu akan baiknya juga daripada kami, tidak mahu tahu akan jahatnya/buruknya.</p>
Set 21 Halaman 14	<p>Tetapi jikalau Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu,</p> <p>pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?"</p>	<p>Walau bagaimanapun/Namun begitu/Namun/Tetapi jika/andai kata Duli Yang Dipertuan hendak/mahu mencerca/menghina hamba sebab/oleh sebab/kerana orang itu,</p> <p>pecatlah hamba dahulu, lalu/kemudian cercalah/hinalah hamba dengan/ bersama-sama dia/-nya. Jikalau/Jika/Kalau/Andai kata hamba belum dipecat bagaimanakah hamba hendak/mahu dicerca/dihina?"</p>

<p>Set 22 Halaman 14</p>	<p>Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu.</p> <p>Pada hati baginda, "Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri."</p>	<p>Selanjutnya/Seterusnya/Selepas itu, lalu/kemudian berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata-kata Tun Perak itu.</p> <p>Dalam hati baginda, "Sebenarnya/Sesungguhnya Tun Perak tidak sepatutnya/seharusnya menjadi bentara lagi, sepatutnya/seharusnya menjadi Perdana Menteri."</p>
<p>Set 23 Halaman 15</p>	<p>Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balaI, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.</p> <p>Hatta, maka Seri Nara Diraja pun pindahlah ke sebelah kanan, jadi Paduka Raja duduk pada tempat bendahara</p>	<p>Lalu/Kemudian digelar oleh baginda Paduka Raja, disuruh ke seri balai setara/setaraf dengan Seri Nara Diraja. Lalu/Kemudian Paduka Raja pun naiklah duduk dekat/hampir/rapat dengan Seri Nara Diraja di seri balai, lalu/kemudian Seri Nara Diraja berkisar/beralih ke tengah.</p> <p>Selepas/Setelah itu, kemudian/lalu Seri Nara Diraja pun berpindahlah ke sebelah kanan, jadi/lalu Paduka Raja duduk di tempat bendahara.</p>
<p>Set 24 Halaman 15</p>	<p>Adapun Seri Nara Diraja pun telah tualah tiada beranak laki-laki, dan beranak dengan isterinya, anak bendahara Seri Amar Diraja itu seorang perempuan, Tun Putih namanya, diperisteri oleh Raja Abdullah;</p> <p>dan beranak dengan gundik seorang laki-laki, Tun Nina Madi namanya, tiada diaku oleh Seri Nara Diraja sebab takut akan isterinya.</p>	<p>Sesungguhnya/Sebenarnya Seri Nara Diraja pun telah/ sudah tua tidak ada/mempunyai anak laki-laki, dan beranak dengan isterinya, iaitu anak bendahara Seri Amar Diraja itu seorang perempuan, Tun Putih namanya, diperisteri oleh Raja Abdullah;</p> <p>dan beranak dengan gundik seorang laki-laki, Tun Nina Madi namanya, tiada diaku oleh Seri Nara Diraja sebab takut akan isterinya.</p>
<p>Set 25 Halaman 16</p>	<p>Maka Tun Nina Madi pun besarlah, beranak bercucu. Maka isteri Seri Nara Diraja pun matilah. Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk dibalai, dihadap orang banyak.</p> <p>Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja</p>	<p>Lalu/Kemudian Tun Nina Madi pun besar, beranak dan bercucu. Lalu/kemudian isteri Seri Nara Diraja pun matilah/ meninggal dunia. Selepas itu/Seterusnya, lalu/kemudian pada/dalam satu peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap oleh orang banyak/ramai.</p> <p>Kemudian Tun Nina Madi pun lalu/melintas/berjalan, disuruhnya naik duduk dekat/hampir/berdekatan dengannya, lalu diribanya/dipangkunya Tun Nina Madi oleh Seri Nara Diraja.</p>
<p>Set 26 Halaman 16</p>	<p>Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu. "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?" Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku."</p>	<p>Lalu/Kemudian kata Seri Nara Diraja kepada semua orang yang duduk itu. "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa dia ini anak hamba?" Kemudian/Lalu sembah semua orang yang banyak/ ramai itu, "Kami semua tahu juga; namun/tetapi/walau bagaimanapun tuan tidak mengaku, kami semua takut mengatakan dia anak tuan."</p>

<p>Set 27 Halaman 17</p>	<p>Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Suftan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar,</p> <p>maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal.</p>	<p>Kemudian/Lalu Seri Nara Diraja pun tersenyum. Kemudian/Lalu Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah/Selepas kedua-dua orang itu iaitu Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar/berpangkat/ bergelar,</p> <p>maka anak Melayu pun/sudah/telah berbelah/berpecah, setengah kepada Paduka Raja. setengah lagi kepada Seri Nara Diraja, kerana/sebab/oleh sebab kedua-duanya sama orang berasal/bergelar/berpangkat.</p>
<p>Set 28 Halaman 17</p>	<p>Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja.</p>	<p>Sebenarnya/sesungguhnya Seri Nara Diraja tidak bermuafakat dengan Paduka Raja sentiasa berbalah/bertelagah/bermusuh juga, beberapa kali yang lain didapati/dijumpai/diketahui Paduka Raja di dalam kampung Seri Nara Diraja</p>
<p>Set 29 Halaman 18</p>	<p>Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dan Seri Nara itu.</p> <p>Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."</p>	<p>Sememangnya/ Sebenarnya/ Sesungguhnya Sultan Muzaffar Syah pun/iuga tahu akan/mengetahui perihal/perkara itu ralu/kemudian terlalu/sangat/amat/ sungguh dukacita/sedih baginda melihat kelakuan/ perlakuan/sikap Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu.</p> <p>Kemudian/Lalu berfikir di dalam hati baginda/baginda berfikir di dalam hati, "Jikalau/Jika/Kalau/Andai kata begini binasalah/ musnahlah negeri ini kerana/sebab/oleh sebab orang besar/ embesar tidak bermuafakat sesama/dengan orang besar/pembesar."</p>
<p>Set 30 Halaman 18</p>	<p>Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah.</p> <p>Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?" Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."</p>	<p>Setelah/Selepas itu, lalu/kemudian baginda berfikir lalu berpendapat hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Kemudian/Lalu baginda pun menyuruh orangnya memanggil Seri Nara Diraja; lalu/kemudian Seri Nara Diraja pun hadirilah/datanglah.</p> <p>Lalu/Kemudian titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah/Hendakkah/Setujukah Seri Nara Diraja beristeri?" Lalu/Kemudian sembahnya, "Jikalau/Jika/Kalau/Andai kata ada kurnia/restu danpada Duli Yang Dipertuan, baiklah/setujulah, tuanku.</p>
<p>Set 31 Halaman 19</p>	<p>Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?" Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."</p> <p>Maka titah baginda "Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?" Maka sembahnya, "Mohon patik,</p>	<p>Lalu/Kemudian titah baginda, "Mahukah/Hendakkah/ Setujukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?" Lalu/Kemudian sembahnya, "Mohon patik tuanku."</p> <p>Lalu/Kemudian titah baginda, "Mahukah/ Hendakkah/ Setuiukah akan Tun Rakna Sandari,</p>

	<p>tuanku." Maka titah baginda "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?" Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."</p>	<p>saudara Paduka Raja Lalu/Kemudian sembahnya, "Mohon patik, tuanku." Lalu/Kemudian titah baginda, "Mahukah/Hendakkah/ Setujukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?" Lalu/Kemudian sembahnya, "Mohon patik tuanku."</p>
<p>Set 32 Halaman 19</p>	<p>Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja.</p> <p>Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?" Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."</p>	<p>Lalu/Kemudian beberapa orang anak pembesar ditanyakan oleh Sultan, tidak ada juga yang berkenan pada/oleh Seri Nara Diraja.</p> <p>Lalu/Kemudian titah Sultan, "Mahukah/Hendakkah/ Setuiukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja? Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."</p>
<p>Set 33 Halaman 20</p>	<p>Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit.</p> <p>Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja</p>	<p>Sesungguhnya/Sebenarnya/Sememangnya Tun Kudu itu diperisteri oleh Duli Yang Dipertuan, terlalu/amat/ sangat/sungguh baik/cantik rupanya/parasnya, tetapi matanya juling sedikit.</p> <p>Setelah/Selepas baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja sedemikian, lalu/kemudian pada saat/masa itu juga ditalak/ diceraikan baginda, dihantar ke ruma Paduka Raja, diberi belanja/biaya, disuruh hadir untuk dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja</p>
<p>Set 34 Halaman 20</p>	<p>Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua. dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?"</p> <p>Maka kata Seri Nara Diraja, "Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu."</p>	<p>Lalu/Kemudian kata semua anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimanakah datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah/telah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah/telah bertemu?"</p> <p>Lalu/Kemudian kata Seri Nara Diraja, "Bagaimanakah kamu sekalian tahu? Jikalau/Kalau/Jika/Andai kata demikian sia-sialah cula/azimat yang dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling Itu."</p>
<p>Set 35 Halaman 21</p>	<p>Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu.</p> <p>Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasih seperti saudara sejalan jadt.</p>	<p>Dan setelah/selepas sudah/telah lepas/tamat idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu.</p> <p>Kemudian/Lalu bermuafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasih/berbaik-baik seperti saudara sejalan jadi/seia sekata/sependapat.</p>

<p>Set 36 Halaman 21</p>	<p>Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara."</p> <p>Maka titah baginda, "Baiklah." Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.</p>	<p>Kemudian/Lalu sembah Seri Nara Diraja kepada Sultan Muzaffar Syah, " Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana/sebab/oleh sebab dia asalnya anak/keturunan bendahara."</p> <p>Kemudian/Lalu titah baginda, "Baiklah." Lalu/Kemudian Paduka Raja pun dijadikan/dilantik sebagai bendahara.</p>
<p>Set 37 Halaman 22</p>	<p>Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya; pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka.</p> <p>Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.</p>	<p>Selanjutnya/Seterusnya/Selepas itu. Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan/digelar orang bijaksana. kerana/sebab/oleh sebab pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya/hebatnya/masyhurnya: pertama, Majapahit; kedua. Pasai; ketiga Melaka.</p> <p>Di dalam ketiga-tiga buah negeri itu, ada/terdapat tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja, dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.</p>
<p>Set 38 halaman 22</p>	<p>Hatta, berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya.</p> <p>Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan.</p>	<p>Setelah/Selepas itu, beberapa lamanya lalu/kemudian datang/sampai pula/juga orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya.</p> <p>Lalu/Kemudian kedengaran khabarnya/beritanya ke Melaka; lalu/kemudian dipersembahkan orang kepada Sultan.</p>
<p>Set 39 Halaman 23</p>	<p>Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari orang Siam.</p> <p>Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu.</p>	<p>Lalu/Kemudian baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap untuk menghaiau orangtentera Siam.</p> <p>Seri Bija Diraja dan semua hulubaiang sekaliannya dititahkan (oleh) baginda mengiringi Bendahara Paduka Raja itu.</p>
<p>Set 40 Halaman 23</p>	<p>Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok.</p> <p>Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang.</p>	<p>Sebenarnya/Sesungguhnya Seri Bija Diraja itu asalnya/keturunannya Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya/keturunannya daripada Muntah Lembu; dialah dipanggil/digelar (oleh) orang sebagai Datuk Bongkok.</p> <p>Apabila dia berjalan atau duduk, bongkoklah dia. Oleh sebab/Sebab/Kerana dia sangat gagah berani dia menjadi hulubalang besar, kedudukannya di atas semua hulubalang.</p>

Set 41 Halaman 24	Telah sudah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah keluar Siam itu, Bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang yang banyak. Maka orang Siam pun hampir ke Batu Pahat	Setelah/Selepas/Sesudah lengkap, lalu/kemudian Bendahara Paduka Raja pun pergi menghalau Siam itu, Bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan/dan semua hulubalang yang banyak/ramai. Lalu/Kemudian orang Siam pun hampir ke Batu Pahat.
Set 42 Halaman 24	Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruh oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu	Lalu/Kemudian ada/terdapat seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu/sangat/sungguh/amat berani, kelakuannya/sikapnya/ tingkah lakunya/perangainya gila-gila bahasa/kurang sihat sedikit/tidak berfikiran panjang (tidak malu, cepat marah, pemberani). Kemudian/Lalu disuruh oleh Bendahara Paduka Raja menyuluh/ memeriksa/ menyiasat perahu Siam itu.
Set 43 Halaman 25	Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu	Kemudian/Lalu Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya/sampannya olang-oleng/terumbang-ambing. Setelah/Selepas bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, lalu/kemudian dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu/sampan Siam kalah, lalu dia terus ke sebelah; lalu/kemudian dia kembali semula, dilanggarnya pula/lagi perahu yang lain, itu pun/juga dua tiga buah perahu/sampan Siam kalah. Lalu/Kemudian Tun Umar pun kembalilah. Kemudian/Lalu orang Siam terlalu/amat/sungguh/ sangat hairan/pelik melihat kelakuan/tingkah laku Tun Umar itu.
Set 44 Halaman 26	Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api.	Setelah/Selepas hari malam, kemudian/lalu Awi Dicu pun datanglah/tibalah/sampailah. Lalu/Kemudian oleh Bendahara Paduka Raja semua pohon/pokok kayu bakau dan nyirih serta tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati/ikat dengan puntung api.
Set 45 Halaman 26	Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."	Setelah/Selepas dipandang/dilihat oleh orang Siam api tidak terbilang/terkira lagi banyaknya, lalu/kemudian kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tidak terbilang/terkira lagi. Jikalau/Kalau/Jika/Andai kata mereka datang apakah hal/nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi lagi tidak terlawan oleh kita."
Set 46 Halaman 26	Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini." Maka segala orang Siam pun kembalilah.	Lalu/Kemudian kata Awi, "kata kamu itu; Benarlah/Betullah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali/pulang sementara belum Siang." Lalu/Kemudian semua orang Siam pun kembalilah/ pulanglah.

Set 47 Halaman 27	Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura.	Sebenarnya/Sesungguhnya perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah yang membuatnya/membuatnya, Lalu/Kemudian diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai/hingga ke Singapura.
Set 48 Halaman 27	Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan.	Kemudian/Lalu bendahara pun kembali/pulang ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Kemudian/Lalu semua perihal/keiadian/hal itu sekaliannya/semuanya dipersembahkan oleh bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan.
Set 49 Halaman 28	Maka baginda terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi Bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing - masing pada kadarnya.	Kemudian/lalu baginda pun terlalu/amat/sangat/sungguh suka, kemudian/lalu baginda pun memberikan persalinan kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia/indah-indah, dengan semua hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing - masing mengikut kadarnya/bahagiannya.
Set 50 Halaman 28	Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu	Sesungguhnya/Sebenarnya semua orang ke Siam benua Siam, yang Kembali/pulang itu, telah mereka sampai lalu ke benua Siam, lalu/kemudian Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Lalu/Kemudian Paduka Bubunnya terlalu/sangat/amat/ sungguh marah; lalu/kemudian dia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu.
Set 51 halaman 29	Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka. sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."	Maka ada/terdapat seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Kemudian/Lalu dialah bercakap/berkata kepada Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya bahawa dia hendak menyerang Melaka, sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah yang akan pergi mengalahkan Melaka itu."
Set 52 Halaman 29	Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh berlengkap kepada Pra Kelong delapan ratus sum, Iain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi. Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka	Kemudian/Lalu Paduka Bubunnya pun terlalu/sangat/amat/sungguh suka/gembira mendengar sembah Cau Pandan itu. Lalu/Kemudian baginda pun menyuruh Pra Kelong berlengkap lapan ratus sum/perahu/kapal Siam, Iain daripada/selain perahu kecil tidak terbilang/terkira lagi banyaknya, sekadar/hanya menanti musim juga/sahaja. Lalu/Kemudian kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan untuk menyerang Melaka.

<p>Set 53 Halaman 30</p>	<p>Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang.</p> <p>Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya.</p>	<p>Sementara itu/Selain itu ada/terdapat seorang hamba Allah yang diam/tinggal di Melaka, bangsanya/berbangsa Arab, Sidi Arab namanya disebut/dipanggil/digelar oleh orang.</p> <p>Lalu/Kemudian tuan itu senantiasa/sentiasa bermain panah askar/serdadu, seperti tembok/dinding keliling kota orang berzikir/berdoa. Ke mana-mana sahaja tuan itu pergi, panah itu dibawanya.</p>
<p>Set 54 Halaman 30</p>	<p>Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam.</p>	<p>Maka/Lalu/Kemudian/Oleh itu, Tuan Sidi Arab telah menghadap Sultan Muzaffar Syah. Setelah tuan Sidi Arab mendengar khabar bahawa Cau Pandan akan datang menyerang ke Melaka, lalu tuan Sidi Arab pun berdiri di hadapan baginda. Lalu/Kemudian dihalakan panahnya itu ke benua Siam.</p>
<p>Set 55 Halaman 31</p>	<p>Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."</p> <p>Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat."</p>	<p>Kemudian/Lalu kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau/kamu, Cau Pandan."</p> <p>Kemudian/Lalu Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; lalu/kemudian titah baginda kepada Tuan Sidi Arab, "Jikalau/Jika/Kalau/Andai kata sungguh/benar/betul Cau Pandan mati, sungguhlah/betullah/benarlah memanglah tuan keramat/soleh/warak."</p>
<p>Set 56 Halaman 31</p>	<p>Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati.</p> <p>Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:</p> <p style="text-align: center;">Cau Pandan anak Bubunnya, Hendak menyerang ke Melaka; Ada cincin berisi bunga, Bunga berladung si air mata.</p>	<p>Sungguhpun/Sesungguhnya/Sebenarnya Cau Pandan itu, masih lagi di benua Siam, lalu/kemudian berasa dadanya seperti terkena panah, kemudian/lalu Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati.</p> <p>Lalu/Kemudian tidak jadilah Siam menyerang Melaka, sebab/oleh sebab/kerana mati Cau Pandan. Oleh sebab itu/Oleh hal yang demikian itulah membuatkan/menyebabkan orang nyanyi:</p> <p style="text-align: center;">Cau Pandan anak Bubunnya, Hendak menyerang ke Melaka; Ada cincin berisi bunga, Bunga berladung si air mata.</p>

Set 57 Halaman 32	<p>Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah.</p> <p>Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat." Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.</p>	<p>Selanjutnya/Seterusnya/Selepas itu, lalu/kemudian kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati/meninggal dunia, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah.</p> <p>Setelah/Selepas Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar/berita itu/tersebut, lalu/kemudian titah baginda, "Sungguhlah/Benarlah/Betullah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah yang keramat/warak/soleh." Lalu/Kemudian beberapa pujian baginda terhadap Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi oleh baginda dengan sepertinya/setimpalnya</p>
Set 58 halaman 32	<p>Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah.</p> <p>Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun.</p>	<p>Setelah/Selepas empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, lalu/kemudian z baginda pun mangkatlah.</p> <p>Lalu/Kemudian anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelaran baginda sebagai pemerintah kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala/ sewaktu/semasa menaiki takhta kerajaan itu dua puluh tujuh tahun.</p>
Set 59 Halaman 33	<p>Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.</p>	<p>Dan/Kemudian baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada/mempunyai anak dengan/bersama gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.</p>
Set 60 Halaman 33	<p>Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu</p>	<p>Sesungguhnya/Sememangnya/Sebenarnya Sultan Mansur Syah itu terlalu/sangat/sungguh/amat baik parasnya/tampan/kacak, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di seluruh dunia ini tidak sepertinya/setandingnya pada zaman/masa itu.</p>

TERIMA KASIH

@thespmneticofficial